

16 JAN 2002

Mahathir-UPM (Bergambar)

DR MAHATHIR HADIRI MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA UPM

SERDANG, 16 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini menghadiri majlis ramah mesra pelajar dan kakitangan Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama Perdana Menteri yang berlangsung di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali disambut oleh lebih 5,000 pelajar dan kakitangan UPM yang berebut-rebut untuk bersalam dengan Perdana Menteri.

Majlis tersebut dimulakan dengan nyanyian lagu UPM "Putera Gemilang" serta bacaan doa.

Pada majlis itu Dr Mahathir menyerahkan wafiah pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM kepada Yang Dipertua MPP Mohd Nasir Othman.

Dr Mahathir juga menyaksikan pembacaan ikrar mahasiswa yang diketuai oleh Mohd Nasir yang kemudiannya menyerahkan ikrar mahasiswa itu kepada Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga menerima sijil ISO 9001 daripada Pengerusi Sirim QAS Sdn Bhd Datuk Dr Mohd Ariffin Atun bagi pihak Fakulti Kejuruteraan UPM dan menyerahkannya kepada dekan Fakulti tersebut Prof Dr Radin Umar Radin Sohadi.

Pada majlis yang sama kakitangan dan pegawai UPM menyerahkan dokumen akujanji kepada Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

UPM yang bermula sebagai sekolah pertanian pada 1931 kini berkembang pesat dengan mempunyai 13 fakulti dan tiga institut penyelidikan dalam pelbagai bidang.

Pada majlis itu Perdana Menteri melapangkan masa beramah mesra dengan pelajar dan kakitangan akademik UPM serta melawat gerai-gerai yang disediakan.

-- BERNAMA

RV NM AHH NMO